

ECRL pemangkin pembangunan Kelantan

Oleh YATIMIN ABDULLAH
yatimin.abdullah@mediamulia.com.my

KOTA BHARU: Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) akan menjadi pemangkin kepada pembangunan di negeri-negeri di pantai timur khususnya Kelantan yang dianggap terpisah daripada pertumbuhan pesat di Lembah Klang.

Sehubungan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu kerajaan-kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan bersama-sama memanfaatkan sebaik mungkin peluang dan kemudahan pengangkutan itu untuk membawa pelaburan dan mencetuskan pembangunan baharu.

Anwar berkata, sektor pengangkutan itu bukan sahaja untuk orang ramai dan rakyat, sebaliknya ia juga boleh digunakan untuk mengangkut bahan-bahan pengeluaran, pertanian dan industri.

"Kita lihat, Kelantan khususnya kurang mendapat perhatian kerana tiada pelabuhan di sini. "Jadi, aspek pengangkutan ini dilihat akan memudahkan untuk mengangkut pengeluaran hasil pertanian dan industri selepas ini," katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Pembinaan Stesen Pertama ECRL Tunjong di Bandar Baru



ANWAR Ibrahim menerima cenderamata daripada Ketua Pegawai Eksekutif MRL, Datuk Seri Darwish Abdul Razak selepas merasmikan pelancaran pembinaan stesen pertama ECRL di Tunjong, Kota Bharu, Kelantan, semalam. - UTUSAN/KAMARUL BISMI KAMARUZAMAN

Tunjong di sini semalam.

Turut hadir, Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob; Menteri Pengangkutan, Loke Siew Fook dan Pengerusi Malaysia Rail Link Sdn. Bhd (MRL), Tan Sri Mohd. Zuki Ali.

Anwar mahu semua pihak terutama kerajaan negeri melakukan tindakan agresif dengan menarik pelabur dengan menjamin beberapa insentif baharu di Kelantan.

Katanya, kerajaan Kelantan juga diharap dapat mempercepatkan kelulusan dalam satu-satu projek yang bakal dijalankan di negeri itu.

"Kita (kerajaan Pusat) mendapat keluhan daripada pelabur-pelabur dari China yang memaklumkan bahawa proses kelulusan menjadi masalah semasa berunding baru-baru ini.

"Jadi, saya percaya jalinan lebih akrab antara kerajaan

Persekutuan dan negeri akan memudahkan pelaksanaan projek sekali gus memberi manfaat kepada Kelantan," ujarnya.

Sementara itu, Perdana Menteri menafikan dakwaan projek ECRL dimonopoli oleh syarikat dari China.

Katanya, terdapat lebih 2,100 syarikat tempatan terdiri daripada kontraktor, perunding dan pembekal dalam projek itu sejak 2017.